

Mimpi Mahathir

jadi kenyataan hari ini

UM 15 APR 2005
Oleh SYAHRIL A. KADIR

KUALA LUMPUR 14 April — Mahathir Mohamad akhirnya menjejakkan kakinya di bumi bertuah ini selepas puas 'bergelut' dengan perasaannya sendiri.

Perasaan itu sama ada benar-kah kesanggupan *Utusan Malaysia* untuk membawanya bertemu idolanya Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan pelawaan yang benar-benar ikhlas atau sekadar retorik semata-mata.

"Mahathir tidak pernah percaya dia akan dibawa ke sini sehinggalah dia melihat sendiri bagaimana kesanggupan kamu dan anggota Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) berusaha membuat pasport perjalanannya," kata Ketua Panti Asuhan Al-Wasliyah, Yoharmun Harefa yang juga pengiringnya di sini.

Sebenarnya pertemuan kami dengan Mahathir bermula dengan secara tidak sengaja.

Penulis dan jurugambar yang sedang menunggang motosikal 'kapcai' di pekan Gunung Sitoli, Pulau Nias pada mulanya bercadang untuk ke rumah anak yatim tersebut bagi mengisi bahan

berita pasca gempa bumi di wilayah ini.

Setelah kira-kira sejam menemu bual guru dan para penghuni di situ, kami meminta kebenaran untuk beredar dari rumah anak yatim tersebut.

Tiba-tiba Yoharmun meminta salah seorang penghuni rumah tersebut untuk bersalaman dengan kami sambil berkata: "Mahathir mari ke sini, salam dengan bapak ini."

Terdengar sahaja namanya, kami sepakat untuk menulis berita eksklusif mengenai kanak-kanak tersebut terutama kisah kehidupannya dan bagaimana dia boleh diberi nama sama dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ternyata benarlah kata pepatah, tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu.

Rupa-rupanya kisahnya mendapat perhatian Dr. Mahathir sehingga membuatkan timbul keinginan pemimpin besar tersebut untuk menemuinya secara peribadi.

Dari situlah bermula cabaran yang amat besar kepada kami, apatah lagi ketika itu kami sudah mula mencongak-congak untuk keluar dari pulau tersebut.

Walaupun lambaian keluarga tercinta sudah terbayang di mata, namun demi harapan anak kecil itu dan penghormatan kami kepada jasa Dr. Mahathir, semuanya kami tolak ke tepi terlebih dahulu.

Ketika wartawan-wartawan Malaysia dari pelbagai agensi berita mula meninggalkan Pulau Nias, kami dan beberapa orang pegawai PBSM pula sibuk menyusun strategi membawa keluar anak yatim dan penjaganya ini untuk ke Malaysia.

Kata sepakat dicapai, orang pertama yang menjadi 'sasaran' ialah Konsul Jeneral Malaysia di Medan, Mohd. Yusuf Abu Bakar dan pada dialah kami serahkan segala urusan dokumentasi Mahathir dan penjaganya.

Sementara itu, kami membawa kanak-kanak tersebut ke pusat membeli-belah untuk dibelikan pakaiannya.

Rambutnya yang panjang dan tidak terurus itu juga telah dipotong.

Kukunya yang pekat kehitaman kami buangkan, selipar yang buruk dan berlubang kami gantikan.

Namun Mahathir tetap Mahathir. Walau kulitnya bertukar, isinya tetap sama.

Solat tidak pernah ditinggalkan, imannya tetap dijaga, akidahnya tetap terbelas.

Ketika kami membawanya ke salon rambut, dia bertegas mahukan tukang gunting lelaki.

Ketika kami menjamunya makan, dia yang pertama membaca doa.

Ketika kami diulit lena, dia yang pertama terjaga kerana mahu menunaikan solat Subuh.

Berkat doanya, urusan mendapatkan pasport akhirnya berjalan dengan lancar biarpun dokumen tersebut hanya diperoleh pada saat-saat akhir iaitu satu jam sebelum pesawat kami berlepas.

Lebih mengharukan, pemergian kami diiringi Kepala Departmen Kehakiman dan Imigresen Medan, B. Roesmintardjo dan Konsul Jeneral Malaysia sendiri.

Hari ini Mahathir akhirnya menjejakkan kaki di bumi Malaysia dan esok dia akan bertemu Dr. Mahathir, idola dan pemimpin sanjungannya selama ini.

Yang pasti dia akhirnya terpaksa mengakui yang dia bukan lagi bermimpi.